



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

SIARAN MEDIA AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

KENAIKAN HARGA TAMBANG KETIKA MUSIM PERAYAAN: 13 SYARIKAT BAS EKSPRES DIARAHKAN MEMBERI MAKLUM BALAS TERHADAP SURAT TUNJUK SEBAB (STS) OLEH APAD.

1. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab (STS) kepada **13 buah syarikat Bas Ekspres** atas kesalahan menaikkan harga tambang bas ekonomi sempena musim Perayaan Aidilfitri 2025.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **lima (5) syarikat** telah diberikan **Surat Tunjuk Sebab Kedua**, termasuk dipanggil ke Ibu Pejabat APAD untuk memberikan keterangan lanjut dan bukti tambahan.
3. Pengeluaran STS ini adalah hasil daripada pemantauan APAD terhadap kenaikan tambang bas ekspres yang melibatkan sebanyak **101 buah syarikat bas ekspres dan 371 buah kenderaan**.
4. Pemantauan tertumpu kepada **lapan (8) laluan utama yang merangkumi empat (4) terminal utama**, iaitu Terminal Larkin, Terminal Bersepadu Selatan, Terminal Penang Sentral dan Terminal Kuala Terengganu bagi tempoh perjalanan bermula **15 Mac 2025 sehingga 6 April 2025**.
5. Berdasarkan keputusan Jawatankuasa Penggantungan dan Pembatalan Lesen (JPPL) APAD yang bersidang pada 15 Mei 2025, **dua (2) syarikat** telah didapati menaikkan harga tambang bas ekspres menjelang musim perayaan. Kedua-dua syarikat ini telah dikenakan tindakan oleh pihak APAD, iaitu **sebuah syarikat diberikan Notis Amaran** kerana bukti yang dikemukakan menunjukkan kenaikan harga tambang yang bersifat nominal, manakala **sebuah lagi telah digantung operasinya selama 14 hari** kerana gagal menjawab Surat Tunjuk Sebab Kedua.



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT

6. Selaras dengan Nilai Teras Malaysia MADANI, iaitu ***Kesejahteraan*** dan ***Kemampanan*** yang memfokuskan kepada keterhubungan mobiliti dan aksesibiliti rakyat melalui jaringan pengangkutan awam yang berkualiti, selamat dan selesa, **APAD akan meneruskan pemantauan terhadap operasi syarikat bas ekspres dari semasa ke semasa, terutamanya pada musim perayaan bagi mencegah sebarang kenaikan harga tambang melebihi kadar siling yang dibenarkan.** Selain itu, **APAD juga akan memantau tahap pematuhan syarikat bas ekspres terhadap keperluan perkhidmatan, termasuk ICOP Keselamatan. APAD tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas, termasuk menggantung Lesen Pengendali, sekiranya didapati melanggar syarat lesen.**

###Tamat###

AGensi PENGANGKUTAN AWAM DARAT (APAD)

21 Mei 2025

Maklumat Tambahan Berkaitan Bas Ekspres

1. **Sehingga 30 APRIL 2025**, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) telah melesenkan sejumlah **177** buah syarikat Bas Ekspres yang mempunyai **3,854** buah permit kenderaan beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia.
2. Pada dasarnya, Bas Ekspres mempunyai dua (2) jenis perkhidmatan iaitu perkhidmatan Ekonomi dan Eksekutif.
3. Sejak 9 September 2013, tambang siling bas Ekonomi adalah dikawal pada kadar **RM0.093 setiap kilometer** dengan **had tambang sebanyak 10% pada musim perayaan** manakala **tiada tambang siling untuk Bas Eksekutif**.

Jenis Bas	Tambang Lantai	Tambang Siling
Ekonomi	Tiada	RM0.093/km
Eksekutif	RM0.15/km	Tiada